

PENGARUH & KETEPATAN CHATGPT DALAM PENULISAN AKADEMIK KHUSUSNYA BAGI PENTAFSIRAN AL-QURAN: SATU KAJIAN

Mohd Faiz Hadi Mohd Sanadi¹

¹Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia, mohdfaizhadi@gmail.com

DOI: 10.51200/kitab.v1i2.6063

ABSTRAK

Penggunaan ChatGPT merupakan satu aplikasi AI baru yang sedang berkembang dalam kalangan masyarakat sama ada dalam bidang pendidikan atau sebaliknya. Kekuatan ChatGPT ini ialah ia mempunyai kepintaran yang boleh dianggap sama dengan bahasa manusia serta mampu memproses data dengan kadar yang sangat cepat. Kecepatan ini menyebabkan segala bahan dan maklumat yang dikehendaki dapat dicapai dengan mudah. Namun yang menjadi persoalan bagi aplikasi ChatGPT ini ialah mengenai ketepatan maklumat yang diperolehi berdasarkan aplikasi ini seperti didatangkan tanpa rujukan serta terdapat maklumat-maklumat yang tidak tepat. Maka, berdasarkan kepada analisis mengenai aplikasi ini, tujuan kajian ini ditulis untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan kekurangan dan tidak tepatan maklumat berkaitan dengan penulisan akademik khususnya bagi subjek pengajian Islam seperti tafsir al-Quran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif di mana bahan-bahan seperti jurnal dan juga kitab tafsir akan digunakan dalam menilai ketepatan tafsiran serta berdasarkan kepada literatur dan kajian-kajian yang telah dijalankan. Dapatkan kajian mendapati bahawa ChatGPT ini memberi kesan yang negatif khususnya pada kredibiliti dan integriti ilmu Islam, plagiarisme dan penipuan dalam akademik kerana penulisan yang dihasilkan tidak ditapis dan dirujuk kesahihannya dan ini menyebabkan berlaku ketidaktepatan dalam maklumat yang disampaikan.

Kata Kunci: Pengaruh dan ketepatan, ChatGPT, penulisan akademik, Tafsir al-Quran.

ABSTRACT

The use of ChatGPT is a new AI application that is rapidly developing among the community, whether in the field of education or beyond. The strength of ChatGPT lies in its intelligence, which can be considered comparable to human language, and its ability to process data at an extremely fast rate. This speed enables the retrieval of desired materials and information with ease. However, the main issue with the ChatGPT application concerns the accuracy of the information obtained, as it often lacks references and includes inaccuracies. Thus, based on an analysis of this application, the purpose of this study is to discuss issues related to the shortcomings and inaccuracies of information, particularly in the context of academic writing for Islamic studies subjects such as Quranic exegesis (*tafsir al-Quran*). This study is qualitative in nature, utilizing materials such as journals and exegesis texts to evaluate the accuracy of interpretations, supported by literature and previous research. The findings indicate that ChatGPT has a negative impact, particularly on the credibility and integrity of Islamic knowledge, plagiarism, and academic

dishonesty. This is because the generated content is neither filtered nor verified for authenticity, leading to inaccuracies in the information conveyed.

Keywords: Influence and accuracy, ChatGPT, Academic writing, Quranic Exegesis

1. PENGENALAN

Perkembangan teknologi pada zaman kini dapat dilihat semakin hari semakin berkembang dengan pesat. Kemajuan yang dicapai ini bukan sahaja membantu dalam memudahkan urusan manusia,. Kemajuan yang berkembang ini turut memberi peluang dan membentuk cabaran-cabaran baru terhadap seluruh aspek kehidupan termasuk bidang industri, kesihatan, ekonomi dan lain-lain malah turut dalam bidang pendidikan. Hasil daripada perkembangan ini, maka zaman kini dapat dikatakan bahawa berada pada zaman *Fourth Industrial Revolution* (IR 4.0) di mana segala gerak kerja berlandaskan kepada penggunaan teknologi yang berkembang. Perkembangan dalam bidang pendidikan pula, dapat dilihat bahawa sumber pengajaran bukan hanya tertumpu kepada tenaga pengajar sahaja (guru), malah terdapat alat-alat bantu mengajar yang membantu dalam mempercepatkan urusan pencarian sesuatu maklumat. Secara tidak langsung, perkembangan ini dapat membentuk satu disiplin ilmu yang baru yang perlu dipelajari oleh guru dan pelajar khususnya pada abad ke-22 kini (Aiman Faiz & Imas Kurniawaty 2023)

Selain itu, antara kelebihan dengan berkembangnya teknologi ini ialah dengan mempercepatkan dan memudahkan lagi urusan dan pada masa yang sama meningkatkan taraf kualiti kehidupan ke arah yang lebih baik dalam mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan (*knowledge society*). Berkenaan dengan ilmu pengetahuan, antara mekanisme yang digunakan untuk memudahkan pencarian sumber khususnya dalam bidang pendidikan ialah dengan adanya pencarian enjin seperti ChatGPT (Rusli Abdullah 2023).

Ini kerana, penciptaan Chat GPT ini ia direka khusus dengan penguasaan lebih daripada satu bahasa di mana ia boleh memberi jawapan sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan jawapan yang dikemukakan oleh ChatGPT ini juga seiras dengan jawapan seperti berinteraksi dengan manusia. Dari sudut versinya pula, diketahui bahawa ChatGPT ini mempunyai pelbagai versi iaitu bermula dari GPT 3.5 kemudian kepada GPT 3 yang di bangunkan sendiri oleh Open AI. Kemudian, munculnya ChatGPT yang merupakan sistem sama seperti GPT Cuma yang membezakan ialah ChatGPT didatangkan dalam bentuk dialog yang lebih mudah dan mesra bagi pengguna. Dengan berevolusinya sistem ChatGPT ini maka secara tidak langsung akan berlaku perubahan dari sudut jawapan di mana penghuraian dan data yang diberikan adalah lebih tepat dan panjang. Tambahan pula, selain memberikan jawapan kepada individu yang bertanya, malah ia juga turut dapat memberikan jawapan dan juga melakukan tugas-tugas lain seperti memberikan rumusan, menjawab soalan dan penghuraian yang lebih spesifik. Secara amnya, GPT adalah tujuan umum model bahasa yang dibangunkan oleh Open AI, manakala ChatGPT ialah variasi GPT secara khusus direka untuk interaksi perbualan (Ahmad A Ishami, Moustafa Elsayed, Eslam Ali, 2023).

Setelah dilihat mengenai kepentingan dan kelebihan yang ada pada ChatGPT ini, perlu dinilai juga mengenai kesan negatif yang bakal diberikan oleh sistem AI ini khususnya bagi para pelajar khususnya dalam bidang Pengajian Islam. Ini kerana berdasarkan kepada laman sesawang YouTube, menurut The CJ Werleman Show (2023), didapati bahawa ChatGPT ini memberikan petikan dan tafsiran yang salah berkenaan dengan al-Quran dan juga nombor *hadith*. Selain itu, terdapat masalah-masalah *fiqh* lain yang bertentangan dengan hukum asal di mana perkara yang halal

diharamkan dan sebaliknya. Kesan daripada ini dapat menimbulkan keraguan khususnya kepada umat Islam.

Tambahan lagi, penyalahgunaan ChatGPT ini juga turut akan memberi kesan pada masa yang akan mendatang khususnya dalam bidang akademik di mana akan berlaku plagiarisme dan penipuan dalam penulisan. Ini dapat dilihat seperti mana yang disebut oleh salah satu stesen radio Malaysia iaitu IKIM yang bertajuk Cabaran Teknologi ChatGPT Kepada Sekolah dan Universiti yang disampaikan oleh Mohd Sani bin Badron. Menurut beliau, dalam laporan luar negara iaitu Jabatan Pelajaran New York telah mengehadkan bagi penggunaan ChatGPT di sekolah-sekolah untuk mengelakkan daripada berlakunya peniruan dan kesan negatif terhadap dunia pendidikan. Selain itu, terdapat beberapa universiti seperti universiti di Australia mengambil pendekatan dengan cara mengubah kaedah peperiksaan secara berkomputer kepada peperiksaan secara bertulis.

Selain itu, menurut Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2023) terdapat beberapa aspek yang perlu dinilai khususnya dalam penggunaan AI kerana berkemungkinan ia memberi kesan kepada manusia seperti merosakkan sistem kemanusiaan manusia iaitu sendiri seperti bersifat bebas, teratur dan berakhhlak. Ini kerana, jika AI ini telah masuk dalam ekosistem kekeluargaan, secara tidak langsung ia akan mengubah fitrah manusia itu sendiri. Dengan kata lain, sesbuah institusi kekeluargaan itu secara tidak langsung telah dicabuli dengan kemunculan sistem yang tidak dapat dipegang secara fizikal iaitu AI. Oleh yang demikian, penelitian dan pertimbangan yang sewajarnya perlu dinilai untuk memastikan kemudaratan dapat dihindarkan dan ini turut disebut oleh Mukmin (2023) dalam laman sesawang Majoriti.

Justeru, kajian ini ditulis untuk menganalisis pengaruh penggunaan ChatGPT dalam bidang akademik khususnya dalam mentafsirkan al-Quran untuk melihat sejauh manakah penyelewengan dan kesalahan yang dilakukan oleh sistem AI ini dan pengaruhnya kepada pelajar khususnya dalam bidang Pengajian Islam.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi jenis kualitatif sebagai teras utama dan reka bentuk kajian adalah secara menganalisis kandungan secara mendalam. Kaedah pengumpulan data pula ialah melalui kajian kepustakaan, menganalisis dokumen, jurnal, kitab tafsir dan juga laman sesawang ChatGPT itu sendiri. Fokus utama kajian ini adalah mengenai pengaruh dan ketepatan penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik khususnya berkenaan dengan tafsiran ayat-ayat al-Quran. Data yang dikumpul akan dianalisis secara deskriptif bagi merumuskan penggunaan ChatGPT dan kesannya terhadap bidang Pengajian Islam.

3. HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil daripada penelitian berkenaan dengan ChatGPT ini, terdapat beberapa kaedah *fiqh* yang digunakan untuk menilai mengenai kesahihan dan pandangan secara menyeluruh mengenai sistem tersebut. Ini kerana ChatGPT ini merupakan isu baru yang belum dibincangkan lagi masalah ini pada ketika dahulu. Menurut Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2023), ulama *fiqh* tidak meletakkan sangkaan awal mengenai sesuatu yang baru yang dibincangkan kerana dibimbangi tersalah dalam meletakkan sesuatu hukum melainkan setelah diteliti secara keseluruhan mengenai perkara tersebut. Maka, hasil daripada kaedah *fiqh* ini, terdapat dua kaedah yang digunakan pakai dalam menilai sistem ChatGPT ini. Antaranya kaedahnya ialah:

i. Pertama: *Al-Hukmu 'Alā Al-Shai' fur'un 'An Tasawwurihi*

الحکم على الشيء فرع عن تصوّره

Maksudnya: Hukum asal bagi sesuatu perkara terbina atas pandangan keseluruhan perkara tersebut (Ahmad Nabil Naji, 2019, 'Abd Al-Karīm bin Muhammad bin 'Abd Al-Karīm & Abu Al-Qāsim Al-Rāfaī, 1997 & (Muhammad Rashīd bin 'Alī Ridā bin Muhammad Shams Al-Dīn, 1990).

Menurut laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019), ini merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh para ulama dalam semua mazhab. Menurut salah seorang ulama iaitu Al-Jurjani ia berkata: *tasawwur ini merupakan hasil daripada gambaran sesuatu yang berpunca daripada akal dengan tepat*. Dengan kata lain ia bukan merupakan *tasawwur* yang menipu atau dusta. Manakala perkataan *tasawwur* yang dimaksudkan dalam kaedah ini ialah *tasawwur* yang penuh dengan ilmu pengetahuan yang mendalam khususnya tentang sesuatu perkara yang diketengahkan. Ini kerana *tasawwur* tersebut adalah *dhabit* pada *zihin* dan *fikir* yang selamat daripada kesilapan.

ii. Kedua: *Dar Al-Mafāsid Muqaddam 'Alā Jalbi Al-Maṣōlih*

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya: Menolak kemudarat itu lebih utama daripada mendapatkan *maslahah* (Abū Al-'Abbās Ahmad bin Yahya, 1980 & Al-Manjūr Ahmad bin 'Alī Al-Manjūr, 2016)

Berdasarkan kepada kaedah ini, menolak kemudarat itu lebih utama daripada mendapatkan *maslahah* merupakan salah satu prinsip dan hukum dalam Islam. Kemudarat dalam kaedah ini bermaksud segala bentuk kerosakan, bahaya dan yang mendorong masalah manakala *maslahah* ini disini pula bermaksud kebaikan dan manfaat yang diperolehi. Oleh yang demikian, jika difahami dengan mendalam, kaedah ini merupakan salah satu kaedah di mana walaupun terdapat padanya kebaikan, namun kerana terdapatnya kerosakan atau kemudarat yang lebih besar, maka ia sepatutnya ia tidak dilakukan atau menggunakan ia. Ini kerana salah satu tujuan utama tersebut adalah menjaga dan melindungi lima aspek utama khususnya bagi umat Islam iaitu agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. Oleh karena itu, jika ada konflik antara mencegah kerosakan dan mencapai kebaikan, maka kaedah ini akan digunakan untuk menekankan keutamaan kepada kemudarat berbanding dengan kebaikan.

Maka berdasarkan kepada dua kaedah ini, sebarang isu atau risiko yang berkaitan khususnya AI ini perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum melihat kepada kebaikan yang didapati daripada sistem tersebut. Setiap aspek dalam penggunaan AI ini perlui diperhalusi dengan lebih mendalam lagi apabila berlakunya pertembungan antara mudarat daripada kebaikan yang mungkin akan berlaku melalui sistem ChatGPT ini khususnya dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran.

3.1 Ketepatan Chatgpt dalam Mentafsirkan Al-Quran

Sebelum dibahaskan dengan lebih mendalam mengenai ketepatan yang dilakukan oleh sistem ChatGPT ini dapat mentafsirkan sesuatu ayat, perlu diketahui dahulu apakah yang dimaksudkan dengan tafsir al-Quran. Berkenaan dengan tafsir, dari sudut epistemologi, ia merupakan kalimah yang berasal daripada perkataan *fa*, *sa* dan *ra* yang bermaksud keterangan Ibnu Manzūr (2012). Manakala menurut Abī al-Husīn Ahmad Bin Fīris Bin Zakariyyā (1999), perkataan *fa*, *sa*, dan *ra* pula

bermaksud menerangkan, menjelaskan atau menghuraikan dan menurut Muhammad al-Tōhir Ibnu Ḩashūr (1997) dan Nor Syamimi Mohd (2016) pula, tafsir merupakan ilmu yang membincangkan tentang penjelasan makna-makna lafaz al-Quran dan mengambil sesuatu yang berfaedah daripada lafaz tersebut.

Menurut M. Yunan Yusuf (2014) terdapat beberapa metode yang ada dalam mentafsirkan al-Quran ini dan antara metode-metode yang telah dinyatakan oleh para ulama terbahagi kepada empat. Pertama, *tafsir al-tahlīl* iaitu satu metode tafsir yang mengurai dan menganalisis ayat-ayat al-Quran secara berurutan dengan membahas sesuatu makna dan aspek itu secara menyeluruh. Kedua, *tafsir al-ijmāli* iaitu satu metode tafsir yang mentafsirkan ayat-ayat al-Quran secara umum. Ketiga, *tafsir al-muqaran* iaitu satu metode tafsir perbandingan pada sesuatu ayat dengan ayat yang lain dan keempat, *tafsir al-mawdū'i* (tematik) iaitu satu metode tafsir yang mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan kemudian diletakkan dalam satu tema yang khusus.

Selain itu, berkenaan dengan tafsir tematik atau *al-mawdū'i* ini juga, menurut Solāh Abd al-Fattāh al-Khālidī (2012), *tafsir al-mawdū'i* berasal daripada dua patah perkataan iaitu *al-tafsīr* dan *al-mawdū'i*. *Al-Tafsīr* adalah ilmu untuk memahami kitab Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi SAW, yang terdapat padanya penjelasan dan penerangan serta hukum-hakam. Manakala lafaz *al-Mawdū'i* pula bermaksud sesuatu yang dinisbahkan kepada tema-tema tertentu. Oleh itu, menurut Muṣṭafā Muslim (2000), bahawa *tafsir al-mawdū'i* ini adalah satu tafsiran yang mengumpulkan ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Quran yang berkaitan dengan tema-tema tertentu sama ada secara lafaz atau maknanya.

Berdasarkan kepada penerangan mengenai tafsir al-Quran ini, dapat dilihat bahawa untuk mentafsirkan jumlah ayat yang terdapat di dalam al-Quran ini perlu mempunyai metode yang khusus. Tidak ditambah lagi dengan ciri-ciri yang perlu ada bagi seorang pentafsir al-Quran untuk memastikan tafsiran yang dilakukan itu adalah tepat dan tidak bercanggah dengan garis panduan yang telah ditetapkan. Manakala mengenai tafsiran al-Quran yang dilakukan oleh ChatGPT ini, beberapa surah akan diambil secara rawak untuk melihat ketepatan tafsirannya dan akan dibandingkan dengan kitab-kitab tafsir yang muktabar.

3.1.1 Tafsiran Surah *Al-Nisā'* Ayat 8

Surah *al-Nisā'* ini merupakan surah yang ke 4 daripada 114 buah surah di dalam al-Quran dan mempunyai 176 ayat. Surah ini merupakan surah *madaniyyah* kerana diturunkan di Madinah. Berkenaan dengan tafsiran secara rawak dalam surah ini, pengkaji telah memilih ayat ke 8 dalam surah tersebut dan dapat dilihat tafsirannya berdasarkan kepada kitab tafsir muktabar dan juga pentafsiran yang dilakukan oleh sistem ChatGPT.

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْفُرْقَانِ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا


(Al-Quran, Al-Nisā' 4:8)

Maksudnya: Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya, dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.¹

¹Al-Quran. Semua terjemahan ayat diambil daripada: *Tafsir pimpinan Ar-Rahmān Kepada Pengertian Al-Quran* (30 juz) diterjemahkan serta diberi penjelasan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Diterbitkan

Menurut Sayyid Qutb (2010) dan M. Quraish Shihab (2009), tafsiran bagi ayat ini ialah berkenaan dengan pembahagian harta pusaka kepada ahli kerabat yang tidak mempunyai hak dalam perwarisan harta. Selain itu, terdapat pelbagai riwayat dari golongan salaf yang berpendapat bahawa ayat ini telah dimansuhkan oleh ayat pusaka yang menentukan hak pembahagian masing-masing. Selain itu, terdapat juga yang berpendapat bahawa ayat ini *muhkamah* dan tidak *mansukh* tetapi di antara mereka ada yang mengatakan bahawa pengertian bagi ayat ini ialah wajib dan difardukan manakala ada pula yang berpendapat ia hanya sunat sahaja selama mana pewaris ingin memberikan hartanya dengan suka rela. Tambahan lagi, tidak ditemui mana-mana dalil pada ayat ini yang menunjukkan ia *mansukh* malah kami (sebahagian golongan salaf) berpendapat bahawa ayat ini *muhkamah* dan wajib di dalam kes-kes yang telah disebutkan sebelumnya berdasarkan kepada keumuman ayat ini. Secara tidak langsung, ayat ini juga bertujuan untuk menerangkan sesuatu yang lain daripada bahagian-bahagian harta pusaka bagi para waris yang akan ditentukan dalam ayat-ayat selepasnya.

Namun, jika dilihat kepada sistem ChatGPT ini, ia memberikan terjemahan surah yang salah berkenaan dengan surah *al-Nisā'* ayat 8 ini di mana terpesong jauh mengenai terjemahan bagi ayat tersebut. Jika dilihat pada tangkap layar di bawah, sistem ChatGPT menterjemahkan ayat ini mengenai keselamatan sedangkan ayat ini membicarakan mengenai pemberian harta pusaka. Ini secara jelas menunjukkan bahawa sistem ChatGPT ini tidak boleh digunakan dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran.




Rajah 1: Soalan dan jawapan mengenai surah *al-Nisā'* ayat 8

Sumber: Pengkaji (2023)

Kemudian, setelah dilihat bahawa terjemahan yang dilakukan oleh sistem ini bercanggah dengan makna asal, maka pengkaji cuba untuk mengesahkan

terjemahan ini dengan menanyakan soalan kembali kepada sistem mengenai surah *al-Nisā'* ayat 8 ini dapat dilihat bahawa sistem ini menyebut terdapat kekeliruan dan kesalahan yang dilakukan olehnya. Dengan kata lain, jika para pengkaji khususnya ahli akademik yang tidak peka dengan maksud dan terjemahan ini, secara tidak langsung ia akan memberi impak negatif kepada sesebuah institusi dan pada masa yang sama turut menjasaskan kredibiliti bagi pelajar Fakulti Pengajian Islam.



Rajah 2:Kesilapan sistem ChatGPT mengenai surah *al-Nisā'* ayat 8

Sumber: Pengkaji (2023)

Kemudian, untuk memastikan bahawa terjemahan yang dilakukan oleh sistem ChatGPT ini benar, maka pengkaji cuba bertanya mengenai kesahihan terjemahan yang dilakukan kerana didapati bahawa terjemahan yang diberikan adalah tidak selari terjemahan asal. Maka, hasil daripada pertanyaan ini, sistem ChatGPT ini menyebut bahawa terdapat kekeliruan dan kesilapan dalam menterjemahkan maksud bagi ayat surah tersebut. Selain itu, jika diperhatikan pada baris akhir sistem tersebut, ia telah menyebut bahawa surah ini merupakan surah yang ke 4 dan ayat ke 8 namun terjemahan yang diberikan masih salah dan mengelirukan. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa kesalahan yang sebegini jika tidak disemak oleh para akademik yang mahir ataupun ia dibiarkan tanpa merujuk kepada kitab tafsir yang muktabar, dapat memberi kesan negatif kepada para pembaca selain menyebabkan berlaku kekeliruan dalam memahami maksud sesuatu ayat tersebut

You
tafsiran surah al-nisa ayat 8

ChatGPT
Surah An-Nisa (4:8) dalam Al-Qur'an menyatakan:

"Maka mengapa, ketika datang kepada mereka suatu peristiwa atau keamanan, mereka merasa yakin dengannya dan menyebarlakannya, tetapi jika mereka kembali kepada Rasul dan kepada ulil amri di antara mereka, niscaya yang memahami (agama) di antara mereka adalah orang-orang yang dapat mengetahui (kebenaran) dari (informasi) mereka."

Ayat ini menyentuh tentang perilaku beberapa orang yang mungkin bersikap kurang hati-hati atau tidak bijaksana dalam menyebarluaskan informasi. Ketika mereka mendengar atau menerima berita, terutama berita tentang keamanan atau peristiwa penting, mereka dengan cepat menyebarlakannya tanpa memeriksa kebenaran informasi tersebut. Namun, ketika mereka kembali kepada Rasulullah SAW atau kepada para pemimpin di antara mereka (ulil amri), mereka dapat memeriksa dan memastikan kebenaran informasi tersebut. Orang-orang yang memahami agama dengan benar adalah mereka yang dapat memilih-milih dan memahami kebenaran dari informasi yang mereka terima.

Ayat ini menyoroti pentingnya kewaspadaan, kehati-hatian, dan kebijaksanaan dalam menyikapi informasi serta menegaskan perlunya memeriksa kebenaran sebelum menyebarlakannya.

Rajah 3: Tafsiran mengenai surah *al-Nisā'* ayat 8

Sumber: Pengkaji (2023)

Kemudian, setelah ditanyakan mengenai terjemahan bagi surah tersebut, pengkaji juga turut bertanya mengenai tafsiran secara khusus mengenai ayat ini untuk memastikan bahawa ia selari dengan apa yang ditafsirkan oleh para *mufassirin*. Hasil penelitian ini, dapat dilihat bahawa kesilapan yang dilakukan oleh sistem ini bukan sahaja meliputi terjemahan ayat malah turut berlaku kekeliruan dalam mentafsirkan keseluruhan ayat tersebut. Ini kerana ayat ini secara asasnya ialah berkenaan dengan harta pusaka yang dibahagikan kepada ahli waris kemudian saranan untuk membahagikan kepada bukan ahli waris yang hadir dalam pembahagian tersebut seperti mana yang telah diterangkan sebelumnya. Namun pada tafsiran yang diberikan oleh sistem ini sama sekali tidak menerangkan tafsiran bagi ayat tersebut dan ia membahaskan mengenai sikap kurang berhati-hati dan tidak bijaksana dalam menyampaikan sesuatu maklumat.

3.1.2 Tafsiran Suran *Al-Furqān* Ayat 4

Selain daripada surah tersebut, antara surah yang dilihat turut mempunyai perbezaan dalam bentuk tafsirannya juga ialah seperti mana surah *al-Furqān* ayat 4:


وَقَالَ الْمُنْذِرُ إِنْ هَذَا إِلَّا إِفْلَقٌ أَفْتَرَهُ وَأَعْنَاهُ عَلَيْهِ قَوْمٌ عَâخِرُونَ فَقَدْ جَاءُو ظُلْمًا وَزُورًا

(Al-Quran, *al-Furqān* 25:4)

Maksudnya: Dan orang-orang yang kafir itu berkata: "(Al-Quran) ini hanyalah satu perkara dusta yang direka-reka oleh Muhammad, dan ia dibantu membuatnya oleh kaum yang lain". Maka (dengan kata-kata itu) sesungguhnya mereka telah mendatangkan satu tuduhan yang zalim dan dusta.

Berdasarkan kepada ayat ini, menurut Ibnu Kathīr (2004) dan Abī Hayyan al-Andalusī (2010) dapat difahami secara jelas bahawa orang kafir pada ketika dahulu telah mendustakan Nabi Muhammad SAW dan turut mengatakan bahawa al-Quran ini dibuat olehnya. Sedangkan seperti mana yang diketahui berdasarkan kepada kitab-kitab sirah, Nabi Muhammad SAW merupakan seorang *ummi* iaitu seorang yang tidak tahu membaca dan menulis. Maka sangat mustahil bagi baginda SAW untuk menulis al-Quran itu sendiri melainkan ia adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepadanya. Menurut Hamka (1999), pada hujung ayat ini dapat dilihat bagaimana sikap golongan orang kafir yang memilih untuk terus berada dalam kegelapan dengan mempertahankan keingkaran mereka dalam membenarkan risalah yang dibawa. Oleh kerana itu setiap manusia dituntut agar menggunakan akal untuk berfikir dan menyelidik sesuatu perkara untuk mengetahui kebenaran kerana orang yang berilmu mampu mengeluarkan diri daripada kesesatan. Dan pada ayat ke enam, segala tomahan dan fitnah itu di balas dengan berhemah berkenaan dengan wahyu tersebut.

Namun, jika dilihat pula tafsiran yang dilakukan oleh sistem ChatGPT ini, dapat dilihat bahawa terdapat dua masalah besar yang perlu diambil berat oleh ahli akademik dalam mentafsirkan ayat al-Quran. Pertama berkenaan dengan maksud terjemahan yang diberikan oleh sistem dan yang kedua tafsiran yang dinyatakan. Untuk difahami dengan lebih jelas lagi, dapat dilihat seperti mana tangkap layar yang dilakukan oleh pengkaji berkenaan dengan soalan yang diajukan serta jawapan yang diberikan seperti mana berikut:



Rajah 4: Soalan dan jawapan mengenai surah *al-Furqān* ayat 4

Sumber: Pengkaji (2023)

Berdasarkan kepada masalah ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa apabila pengkaji bertanya mengenai surah tersebut, terjemahan yang dikemukakan oleh sistem ini adalah salah dan tidak mempunyai kaitan dengan soalan yang

ditanyakan. Selain itu, jika dilihat pada perenggan ketiga iaitu pada perkataan “terjemahan bebas”, dapat dilihat bahawa terjemahan yang dilakukan oleh sistem ini tidak mempunyai mana-mana rujukan dan ini menyebabkan ketulenan dan keabsahan terjemahan ayat al-Quran itu tidak dapat diyakini ketepatannya. Kemudian, bagi masalah kedua iaitu mengenai tafsiran, dapat dilihat seperti mana penerangan di bawah:

The screenshot shows a conversation between a user and ChatGPT. The user asks for a tafsir of Surah al-Furqan Ayat 4. ChatGPT responds by explaining the surah and then listing five points of interpretation:

- Doa untuk Kesejahteraan Keluarga:** Ayat ini mencerminkan keinginan orang-orang yang beriman untuk mendapatkan keberkahan dalam kehidupan keluarga mereka. Mereka memohon agar istri-istri dan keturunan mereka menjadi penyenang mata dan penyejuk hati.
- Penyejuk Hati dan Penyenang Mata:** Istilah "penyejuk hati" dan "penyenang mata" digunakan sebagai metafora untuk menggambarkan kedamaian, kebahagiaan, dan keindahan yang membawa kebahagiaan dalam kehidupan keluarga.
- Doa untuk Menjadi Pemimpin yang Bertakwa:** Mereka juga memohon agar Allah menjadikan mereka sebagai pemimpin yang bertakwa. Ini mencerminkan keinginan untuk memimpin keluarga dan komunitas dengan adil, berdasarkan pada prinsip-prinsip takwa dan ketaatan kepada Allah.
- Tanggung Jawab sebagai Pemimpin:** Permohonan untuk menjadi pemimpin yang bertakwa mencerminkan kesadaran akan tanggung jawab sosial dan spiritual yang dimiliki oleh pemimpin di tengah masyarakat. Pemimpin yang bertakwa diharapkan memberikan contoh dan bimbingan yang baik kepada orang-orang di sekitarnya.
- Doa sebagai Ungkapan Ketaatan dan Ketergantungan:** Doa ini juga mencerminkan sikap ketaatan dan ketergantungan pada Allah. Orang-orang yang beriman menyadari bahwa keberhasilan dan kesejahteraan mereka bergantung pada pertolongan dan berkat dari Allah.

Rajah 5:Tafsiran mengenai surah *al-Furqān* ayat 4 berdasarkan ChatGPT

Sumber: Pengkaji (2023)

Berdasarkan kepada soalan yang diajukan kepada sistem tersebut, sangat jelas menunjukkan bahawa tafsiran yang diminta tidak berkait dengan apa yang ingin disampaikan oleh para *mufassirin* yang telah dinyatakan di atas. Walaupun sistem ChatGPT telah menyebut “surah *al-furqān* (25:4)” secara jelas dalam responsnya, tetapi tafsiran yang dilakukan itu tidak mempunyai kaitan dengan surah tersebut. Maka, berdasarkan kepada kelemahan ini, menjadi titik kepada kesalahfahaman bagi orang awam sekiranya terjemahan dan tafsiran ini dilakukan secara membuta tuli oleh golongan akademik khususnya dalam mentafsirkan al-Quran.

3.1.3 Tafsiran Surah *Al-Hijr* Ayat 9

Selain daripada surah tersebut, antara surah yang dilihat turut mempunyai perbezaan dalam bentuk tafsirannya juga ialah seperti mana surah *al-Hijr* ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْكِتَابَ وَإِنَّا لَهُ لَحْفَاظُونَ


(Al-Quran, Al-Hijr 15:9)

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Berdasarkan kepada Ibnu Kathir (2009), Abī Al-‘Abbās (1999), al-Ṭūsī (t.th.) dan M. Quraish Shihab (1999), ayat ini berkenaan dengan bantahan kepada golongan musyrikin Mekah di mana mereka meragukan sumber al-Quran, maka untuk membuktikan bahawa al-Quran ini adalah daripada Allah SWT, dapat dilihat pada awal ayat ini di mulakan dengan *ta'kid* yang bermaksud sesungguhnya dan turut menggunakan perkataan kami iaitu merujuk kepada Allah SWT itu sendiri. Dengan adanya perkataan tersebut, ia merupakan dorongan kepada golongan kafir Mekah untuk mempercayai al-Quran sekaligus pemahaman sesat mereka mengenai al-Quran. Kemudian, terdapat juga ayat yang menyebut *nahnu nazzalna* ini yang memberi isyarat bahawa selain Allah SWT yang terlibat dalam penurunan al-Quran ini adalah malaikat Jibril a.s. Ini kerana diketahui bahawa tiada wahyu yang disampaikan kepada nabi-nabi-Nya melainkan hanya melalui malaikat Jibril a.s sahaja. Selain itu, tidak dinafikan juga selain daripada perantaraan malaikat Jibril a.s, wahyu ini juga turut di datangkan melalui mimpi dan juga secara terus dari Allah SWT seperti mana yang berlaku kepada Nabi Musa a.s.

Kemudian, berkenaan dengan pemeliharaan al-Quran juga, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan antara kesucian al-Quran dengan kitab-kitab agama yang lain di mana kitab agama seperti Injil ini dijaga oleh penganutnya. Maka secara tidak langsung, penjagaan oleh makhluk yang bersifat lemah ini akan menyebabkan berlaku kerosakan dan perubahan kepada kitab suci. Tetapi ini berbeza dengan al-Quran di mana Allah SWT sendiri memberi jaminan bahawa al-Quran ini akan dijaga oleh-Nya. Ini membuktikan walaupun terdapat pelbagai ancaman dan kritikan terhadap al-Quran, kesucian dan keasliannya tidak dapat di ubah lagi. Kekeliruan dan sikap negatif mereka terhadap al-Quran semata-mata berpunca daripada keinginan mereka untuk menyerang Islam dengan mencari aspek kelemahan Islam, menyembunyikan kebenaran Islam serta bertujuan untuk menyelewengkan fakta mengenai al-Quran dan Islam.

Setelah dilihat bagaimana para *mufassirin* mentafsirkan ayat ini, dilihat pula bagaimana tafsiran yang dilakukan oleh sistem ChatGPT ini. Jika diperhatikan, selain daripada surah yang dibincangkan di atas, dalam surah ini juga terdapat kesilapan dalam menterjemah surah dan juga tafsiran bagi ayat tersebut. Ini dapat dilihat seperti mana tangkap layar di bawah:



Rajah 6: Terjemahan mengenai surah *al-Hijr* ayat 4 berdasarkan ChatGPT

Sumber: Pengkaji (2023)

Jika dilihat kepada terjemahan yang dilakukan oleh sistem ChatGPT ini, terdapat perbezaan terjemahan dengan terjemahan al-Quran yang digunakan oleh pihak JAKIM. Selain itu, diketahui juga untuk memastikan terjemahan ini selari dengan terjemahan al-Quran yang digunakan di Malaysia, maka antara terjemahan dan tafsiran yang perlu digunakan ialah Tafsir pimpinan Ar-Rahmān Kepada Pengertian Al-Quran (30 juz) diterjemahkan serta diberi penjelasan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Diterbitkan oleh Darulfikr, Kuala Lumpur. Walaupun secara umumnya terjemahan yang dilakukan oleh sistem ini tidak bercanggah dengan terjemahan asal namun variasi ayat yang digunakan ini sedikit sebanyak dapat memberi kesan kepada pembaca. Sebagai contoh, jika dilihat dalam ayat ini perkataan *innā* yang terdapat di dalam ayat ini merupakan huruf *tawkid* atau huruf penguat bagi sejumlah ayat. Manakala dari segi penggunaan bahasanya pula, perkataan "sesungguhnya" itu adalah lebih tepat berbanding dengan perkataan "sebenarnya" seperti mana yang dinyatakan oleh sistem ChatGPT. Sekiranya penterjemahan ini tidak diselaraskan, maka akan berlaku pelbagai variasi dan pada masa yang sama dapat menimbulkan pelbagai pemahaman yang berbeza khususnya bagi masyarakat awam. Selain itu, mengenai tafsirannya pula, dapat dilihat seperti mana rajah di bawah:

The screenshot shows a conversation between a user and ChatGPT. The user asks for the interpretation of Surah al-Hijr ayat 4. ChatGPT responds by explaining that the verse discusses the descent of the Quran from Allah, its preservation by Allah, and its guarantee of its truth and permanence. It also notes that a complete understanding requires knowledge of Arabic, history, and other aspects. Below this, a note states that a full understanding often requires consulting scholars and authorities.

benar memeliharanya."

You
tafsiran surah al-hijr ayat 9

ChatGPT
Tafsiran Surah Al-Hijr (15:9) dari Al-Quran melibatkan berbagai ulama dan mufassirin, dan mereka memberikan pemahaman berdasarkan pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap teks Al-Quran. Tafsiran ini dapat bervariasi di antara mufassirin. Berikut adalah beberapa poin utama dari tafsiran ayat ini:

- Penurunan Al-Quran:** Ayat ini menyatakan bahwa Al-Quran, yang disebut sebagai "Zikr" atau "Peringatan," telah diturunkan oleh Allah sebagai petunjuk dan pedoman bagi umat manusia.
- Jaminan Penjagaan:** Allah menegaskan bahwa Dia sendiri akan memelihara dan menjaga keaslian Al-Quran. Ini mencerminkan jaminan Allah terhadap kekekalan dan keutuhan kitab-Nya tanpa adanya perubahan atau distorsi.
- Keistimewaan Al-Quran:** Ayat ini menekankan keunikan Al-Quran sebagai wahyu ilahi yang istimewa. Allah menjamin agar ajaran-Nya ini tetap utuh dan dapat diandalkan sebagai sumber petunjuk untuk umat manusia.
- Tanggung Jawab Manusia:** Meskipun Allah menjamin penjagaan Al-Quran, tanggung jawab umat manusia tetap untuk mempelajari, memahami, dan mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya.

Tafsiran lengkap sering kali memerlukan pemahaman mendalam tentang bahasa Arab, konteks sejarah, dan aspek-aspek lain yang berkaitan. Oleh karena itu, masyarakat sering merujuk kepada ulama dan mufassirin yang terpercaya untuk memahami lebih lanjut tafsiran ayat-ayat Al-Quran.

Rajah 7: Tafsiran mengenai surah *al-Hijr* ayat 4 berdasarkan ChatGPT

Sumber: Pengkaji (2023)

Mengenai tafsiran bagi surah ini pula, secara umum dapat disimpulkan bahawa tafsiran yang dilakukan oleh ChatGPT ini tidak menyeleweng dari tafsiran asal namun terdapat beberapa kekurangan yang perlu diberi perhatian khususnya bagi para akademik. Antara kekurangan yang terdapat dalam tafsiran yang dilakukan oleh sistem ini ialah rujukan. Jika dilihat, tidak dinyatakan sebarang rujukan dalam mentafsirkan ayat ini sedangkan rujukan kitab-kitab muktabar sangat penting dalam memastikan tafsiran ini tidak terpesong dan diyakini kesahihannya. Kedua, jika diteliti pula dari sudut ayat, tafsiran ini bersifat umum. Yang ketiga, jika dilihat pada baris *akhir* dalam sistem ini, disebut bahawa "tafsiran lengkap sering kali memerlukan pemahaman mendalam tentang bahasa Arab, konteks sejarah dan lain-lain" Di sini menunjukkan bahawa sistem ChatGPT ini tidak mampu dalam menterjemah dan memahami bahasa Arab secara keseluruhan. Oleh yang demikian, keperluan kepada kitab tafsir yang muktabar sangat diperlukan dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan penggunaan ChatGPT ini perlu dielakkan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan.

4. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penelitian ini, dapat dirumuskan beberapa perkara mengenai penggunaan ChatGPT ini dalam penulisan akademik khususnya bagi mentafsirkan al-Quran. Secara umumnya, sistem ChatGPT ini boleh digunakan dalam mempercepatkan proses mencari maklumat-maklumat berkaitan dunia ni namun jika maklumat berkenaan al-Quran, ilmu tafsir, ilmu bayan dan lain-lain adalah sangat tidak digalakkan oleh beberapa faktor.

Faktor pertama ialah ketepatan terjemahan yang diberikan oleh sistem ini. Jika dilihat pada awal perbincangan, didapati bahawa terjemahan yang diberikan oleh sistem ChatGPT ini adalah menyeleweng dan tidak menepati maksud sebenar terjemahan berdasarkan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Kedua, kesilapan dalam memberikan terjemahan dan tafsiran yang diberikan oleh sistem tersebut. Ini kerana pada perbincangan sebelumnya, telah dinyatakan mengenai tafsiran bagi setiap surah namun tafsiran yang diberikan adalah bersifat umum, tidak disertakan dengan rujukan malah terdapat surah yang ditafsirkan tidak tepat berdasarkan konteks jumlah sesuatu surah. Selain itu, dapat juga dilihat bahawa pengkaji cuba untuk memastikan tafsiran itu adalah benar, maka soalan kepada sistem ChatGPT telah diberikan dan jawapan yang diberikan oleh sistem ini ialah berlaku kekeliruan dan kesilapan.

Maka, pengaruh dan ketepatan bagi penggunaan ChatGPT ini khususnya dalam mentafsirkan al-Quran sangat tidak digalakkan kerana potensi untuk berlaku penyelewengan adalah lagi tinggi berbanding ketepatan dan kaedah *fiqh* yang digunakan pakai dalam menentukan hukum bagi sistem ini dapat dilaksanakan untuk mengelakkan kemudaratian yang lagi besar khususnya dalam menterjemah dan mentafsirkan al-Quran.

RUJUKAN

- Al-Quran, Tafsir Pimpinan Ar-Rahmān Kepada Pengertian Al-Quran (30 juz) diterjemahkan serta diberi penjelasan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Diterbitkan oleh Darulfikr, Kuala Lumpur.
- Abī Al-‘Abbās Ahmad Bin Muhammad. (1999). *Al-Bahru Al-Mudīd Fī Tafsīr Al-Qurān Al-Majīd* (Ahmad ‘Abd Allah Al-Qarshī Ruslān (ed.)). Hasan ‘Abbās Zakī.
- Abī al-Husīn Ahmad Bin Fīris Bin Zakariyyā. (1999). *Mu‘jam Maqāyīs Al-Lughah* (‘Abd al-Salām Muhammad Hārūn (ed.)). Dār al-Jīl.
- Abī Ja‘far Muhammad Bin al-Hasan al-Tūsī. (n.d.). *Al-Tibyān Fī Tafsīr Al-Qurān* (Ahmad Habib Qaṣīr Al-‘Āmilī (ed.)). Dār Ihyā’ Al-Turāth Al-‘Arabī.
- Abū Al-‘Abbās Ahmad bin Yahya. (1980). *Idāha Al-Masālik ilā Qawāid Al-Imām Mālik* (Ahmad Abū Ṭohir Al-Khiṭōbī (ed.)). Muṭoba‘ah Fuḍolah – Al-Muhammadiyyah.
- Abu al-Fida Ismā‘il Ibnu Kathīr al-Dimashqī. (2004). *Tafsīr Ibnu Kasīr* (Bahrūn Abu Bakar (ed.); 1st ed.). Penerbit Sinar Baru Algensindo Bandung.
- Ahmad A Ishami, Moustafa Elsayed, Eslam Ali, A. E. E. E. & T. Z. (2023). Harnessing the Power of ChatGPT for Automating Systematic Review Process: Methodology, Case Study, Limitations, and Future Directions. *Systems*, 11(7), 1–37.
- Ahmad Nabil Naji. (2019). *Al-Hukmu ‘Alā Al-Shai’ furu‘ An Tasawwurah*. Majalah Al-Andalusi Lil‘ulum Al-Insāniyah wa Al-ijtīmā‘iyyah.
- Aiman Faiz & Imas Kurniawaty. (2023). Tantangan Penggunaan ChatGPT dalam Pendidikan Ditinjau dari Sudut Pandang Moral. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 5(1), 456–463.
- Al-Manjūr Ahmad bin ‘Alī Al-Manjūr. (2016). *Sharah Al-Manhaj Al-Muntakhab ilā Qawāid Al-Mazhab* (Muhammad Al-Sheikh Muhammad Al-Amīn (ed.)). Dār ‘Abduallah Al-Shanqītī.
- ‘Abd Al-Karīm bin Muhammad bin ‘Abd Al-Karīm & Abu Al-Qāsim Al-Rāfa‘ī. (1997). *Al-‘Azīz Sharah Al-Wajī Al-Ma‘rūf bi Al-Sharah Al-Kabīr* (‘Alī Muhammad ‘iwād & ‘Adil Ahmad (ed.); 1st ed.). Dār al-Kutub al-‘ilmīyyah.
- Hamka. (1999). *Tafsir al-Azhar* (3rd ed.). Pustaka Nasional PTE LTD.
- Ibnu Kathīr. (2009). *Shahih Tafsir Ibnu Katsīr* (Syaikh Shafīyyurrahman al-Mubarakfuri (ed.); 2nd ed.). Pustaka Ibnu Katsīr.
- Ibnu Manzūr. (2012). *Lisan al-‘Arab*. Dar Ṣodīr.
- M. Quraish Shihab. (1999). *Tafsir Al-Mishbāh: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*. Universiti Islam Negeri Malang.
- M. Quraish Shihab. (2009). *Tafsir al-Mishbah Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran* (2nd ed.). Penerbit Lentera Hati.
- M. Yunan Yusuf. (2014). Metode Penafsiran Al-Quran: Tinjauan atas Penafsiran Al-Quran secara Tematik. *Syamil*, 2(1), 59–62.
- Mohd Sani bin Badron. (2023). *Cabarān Teknologi ChatGPT kepada Sekolah dan Universiti*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2023/01/25/cabarān-teknologi-chatgpt-kepada-sekolah-dan-universiti/>

- Muhammad al-Ṭohir Ibnu Ḩāshūr. (1997). *Tafsīr Al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Dār Sahnun Lilnashar wa al-Tawzīc.
- Muhammad bin Yūsuf Al-Shahīr Abī Hayyān al-Andalusī Al-Gharnāṭī. (2010). *Al-Bahr Al-Muhiṭ Fī Al-Tafsīr* (Sidqī Muhammad Jamīl (ed.)). Darul Fikr.
- Muhammad Rāshīd bin Ḩāfiẓ Rīḍā bin Muhammād Shams Al-Dīn. (1990). *Tafsīr Al-Qurān Al-Hakīm*. Al-Hai’ah Al-Miṣriyyah Al-`Āmmah Lilkitāb.
- Mukmin. (2023). *Teknologi AI Dalam Kehidupan Harian, Ketahui Pandangan Islam*. Majoriti: Refleksi Tanpa Prejudis. <https://majoriti.com.my/mukmin/2023/05/15/teknologi-ai-dalam-kehidupan-harian-ketahui-pandangan-islam>
- Muṣṭafā Muslim. (2000). *Mabāhith Fī al-Tafsīr al-Maudū`ī* (3rd ed.). Dār al-Qalam.
- Nor Syamimi Mohd, H. H. & W. N. W. A. (2016). Pendefinisian Semula Istilah Tafsir Ilmi. *Islamiyyat*, 2(38), 149–154.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *Hukum Atas Sesuatu Adalah Cabang Daripada Gambarannya*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ar/artikel/irsyad-usul-fiqh/3052-irsyad-usul-al-feqh-siri-ke-32-hukum-atas-sesuatu-adalah-cabang-daripada-gambarannya>
- Rusli Abdullah. (2023). *ChatGPT Sebagai Wadah Baharu Mempertingkatkan Kualiti Kehidupan Masyarakat*. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/renanca/2023/08/995347/chatgpt-sebagai-wadah-baharu-mempertingkatkan-kualiti-kehidupan-masyarakat>
- Sayyid Qutb. (2010). *Tafsīr Fi Zilalil al-Qurān* (Yusoff Zaky Hj. Yaacob (ed.); 1st ed.). Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Ṣolāḥ Abd al-Fattāḥ al-Khālidī. (2012). *Al-Tafsīr al-Maudū`ī Baina al-Naṣoriyah wa al-Taṭbiq* (3rd ed.). Dār al-Nafāis.
- The CJ Werleman Show. (2023). *Why Does ChatGPT Hate Muslims and Islam?* <https://www.youtube.com/watch?v=rwOASyUgV3o>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2023). *Masa Depan Islam & AI*. Al-Mawaqif. <https://zulkiflialbakri.com/22-masa-depan-islam-dan-ai/>